

**TALKING POINTS**  
**UCAPAN PERASMIAN**  
**YBHG. DATO' DR ABD. LATIF MOHMOD**  
**KETUA PENGARAH FRIM**  
**SEMPENA MESYUARAT TERHIMPUN**  
**PUSPANITA/PWFRIM SESI 2017/2018**  
**19 JANUARI 2018, 3:00 PETANG**  
**AUDITORIUM FRIM**

- Terima kasih Pengacara Majlis, saudari **Nur Shafiqah**.
- Terima kasih kepada **Tuan Hj. Abdul Wahid Abdul Aziz**, Imam Masjid Jamek FRIM atas bacaan doa.
- **YBhg. Datin Halidah Kasmin**, Pengerusi PUSPANITA/PWFRIM; **YBhg. Datin Salamah Selamat** dan **YBrs. Dr. Farah Fazwa Mohd. Ariff**, Timbalan Pengerusi I dan II PUSPANITA/PWFRIM; serta **ahli-ahli PUSPANITA/PWFRIM** yang dihormati sekalian.
- Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya dapat kita hadir ke Mesyuarat Terhimpun PUSPANITA/PWFRIM sesi 2017/2018.
- Selamat tahun baru 2018 dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa Induk PUSPANITA/PWFRIM atas jemputan untuk merasmikan mesyuarat ini.
- Terlebih dahulu, saya ucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai berikut yang telah dinaikkan pangkat, iaitu:
  1. **Puan Norhayati Nordin** – Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknikal dan Pengarah Bahagian Inovasi dan Komersialisasi

2. **Dr Nor Azah Mohamad Ali** – Pengarah Bahagian Hasilan Semulajadi

3. **Puan Liza Ismail** – Pengarah Bahagian Pentadbiran, serta

4. **Puan Toh An Nee** – Ketua Unit Komunikasi Korporat

- Semoga dengan pelantikan ini, Dr/Puan akan terus memberi sumbangan dan perkhidmatan yang cemerlang ke arah mempertingkatkan lagi pencapaian prestasi FRIM.
- Saya percaya, semua ahli mesyuarat yang hadir mempunyai peluang untuk menunjukkan kebolehan dan kemampuan dalam mengendalikan satu tugas yang besar lagi mencabar. Walau bagaimanapun, perkara ini hanya dapat dicapai sekiranya puan-puan mengambil inisiatif untuk berusaha serta menyerlah dalam bidang kerjaya masing-masing.
- Saya juga berharap, sebagaimana sebelum ini, ahli-ahli PUSPANITA/PWFRIM akan terus menyokong dan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan sama ada di peringkat FRIM atau Kementerian; serta bagi yang tinggal di dalam kampus FRIM mahupun kawasan-kawasan berhampiran, rajin-rajinlah menyertai dan meramaikan program-program FRIM.
- Seperti yang disampaikan oleh Pengerusi PUSPANITA/PWFRIM sebentar tadi, terdapat beberapa kemudahan yang telah dimasukkan dalam Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

berkuatkuasa 1 Januari 2018 di mana ianya memberi manfaat kepada penjawat awam wanita.

1. **Cuti Umrah** – maksimum 7 hari cuti tanpa rekod.
  2. **Cuti Bersalin** – cuti bergaji penuh 360 hari.
  3. **Pulang Awal 1 Jam** – penjawat awam wanita yang mengandung 5 bulan ke atas
  4. **Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based*** – Pegawai Kumpulan Pelaksana
- Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah turut mengisytiharkan 2018 sebagai tahun memperkasa wanita. Pengisytiharan ini meletakkan satu fokus kepada wanita dalam kita mengejar kepesatan arus pembangunan negara; kerana apabila kaum wanita berada dalam keadaan aman sejahtera dan berjaya tentu kaum lelaki, anak-anak, masyarakat malah negara juga akan berada dalam keadaan harmoni dan menjadi lebih utuh.
  - Aspirasi ini juga akan hanya tercapai dengan komitmen semua pihak bagi membangun serta memperkasakan peranan wanita dalam institusi keluarga, masyarakat dan seterusnya membangunkan negara.
  - Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa serta semua ahli

PUSPANITA/PWFRIM yang berjaya mengendalikan program-program yang menarik sepanjang hari ini.

- Selamat bermesyuarat dan semoga ianya berjalan lancar dan teratur.
- Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya dengan sukacitanya merasmikan **Mesyuarat Terhimpun PUSPANITA/PWFRIM sesi 2017/2018**. Sekian, terima kasih.